

KOLEJ POLY-TECH MARA SDN. BHD.

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

1 MUKADDIMAH

- 1.1 Kolej Poly-Tech MARA Sdn Bhd (KPTMSB) dan semua institusi pengajian tinggi yang diuruskan atau pernah diuruskan oleh KPTMSB, menghormati dan komited dalam melindungi data peribadi dan privasi anda.
- 1.2 Dalam mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA), Notis Perlindungan Data Peribadi ini (Notis ini) menerangkan jenis maklumat yang kami kumpulkan dan cara kami memproses/mengendalikan maklumat tersebut.
- 1.3 Sila ambil perhatian bahawa KPTMSB boleh meminda Notis ini pada bila-bila masa tanpa sebarang notis awal dan kami akan memberitahu anda tentang pindaan tersebut melalui laman sesawang kami.
- 1.4 Institusi pengajian tinggi yang diuruskan oleh KPTMSB ialah:-
 - a) Kolej University Poly-Tech MARA Kuala Lumpur.
 - b) Kolej Poly-Tech MARA Bangi, Selangor.
 - c) Kolej Poly-Tech MARA Kuantan, Pahang.
 - d) Kolej Poly-Tech MARA Batu Pahat, Johor.
 - e) Kolej Poly-Tech MARA Alor Setar, Kedah.
 - f) Kolej Poly-Tech MARA Ipoh, Perak.
 - g) Kolej Poly-Tech MARA Kota Bharu, Kelantan.
- 1.5 Institusi pengajian tinggi yang pernah diuruskan oleh KPTMSB ialah:-
 - a) Kolej Poly-Tech MARA Semporna, Sabah.
 - b) Kolej KPTM KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.
 - c) Akademi Keusahawanan KPTM Bera, Pahang.

2 JENIS DATA PERIBADI YANG DIKUMPUL

Jenis data peribadi yang dikumpul adalah:-

2.1 Pelajar dan bakal pelajar;

Nama, Nombor I/C, Tarikh Lahir, Tempat Lahir, Agama/Kepercayaan Agama, Bangsa, Jantina, ID Pelajar, Alamat, Warganegara, Nombor Telefon, Alamat E-mel, Nombor Akaun Bank, Maklumat Perubatan iaitu jenis darah, alahan, sejarah perubatan dsb,

Maklumat Akademik dan rakaman serta imej keselamatan dan Televisyen Litar Tertutup (CCTV) (termasuk gambar).

2.2 Ibu, Bapa atau Penjaga pelajar atau bakal Pelajar

Nama, Nombor I/C, Tarikh Lahir, Tempat Lahir, Agama/Kepercayaan Agama, Bangsa, Jantina, Alamat, Warganegara, Nombor Telefon, Alamat E-mel dan rakaman serta imej keselamatan dan Televisyen Litar Tertutup (CCTV) (termasuk gambar).

2.3 Vendor, pembekal perkhidmatan, pembekal, kontraktor

Nama Pengarah, Nama Pemegang Saham, Nombor Telefon, Nombor Faks, Alamat, Alamat E-mel, Nombor Pendaftaran (Suruhanjaya Syarikat Malaysia), Nombor Pendaftaran (Kementerian Kewangan), Nombor Pendaftaran (Pusat Khidmat Kontraktor) dan rakaman serta imej keselamatan dan Televisyen Litar Tertutup (CCTV) (termasuk gambar).

2.4 Pekerja atau bakal pekerja

Nama, Nombor I/C, Tarikh Lahir, Tempat Lahir, Alamat, Agama/Kepercayaan Agama, Bangsa, Jantina, Kewarganegaraan, Nombor Telefon, Alamat E-mel, Maklumat Akademik, Maklumat Perubatan iaitu jenis darah, alahan, sejarah perubatan dll, Status Perkahwinan, Nama Anak, Nama Adik Beradik, Nama Pasangan, I/C Pasangan, Alamat Pasangan, Nombor Akaun Bank, Nombor Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Nombor Lembaga Hasil Dalam Negeri, Nombor Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan rakaman serta imej keselamatan dan Televisyen Litar Tertutup (CCTV) (termasuk gambar).

2.5 Ibu bapa atau Penjaga pekerja atau bakal pekerja

Nama, Nombor I/C, Bangsa, Nombor Telefon, Alamat, Agama/Kepercayaan agama dan rakaman serta imej keselamatan dan Televisyen Litar Tertutup (CCTV) (termasuk gambar).

3 TUJUAN MENGUMPUL DATA PERIBADI

Tujuan untuk mengumpul data peribadi adalah:-

3.1 Bagi pelajar dan bakal pelajar;

- (a) untuk memproses permohonan kemasukan dan selepas itu untuk memastikan penyediaan berterusan perkhidmatan akademik dan pendidikan (termasuk merekodkan butiran pengajian) dan menentukan pencapaian akademik;
- (b) untuk membantu mendapatkan penaja;

- (c) untuk menyediakan perkhidmatan sampingan seperti permohonan visa dan perlindungan insurans sepanjang tempoh pengajian;
- (d) untuk membantu dalam penempatan, latihan amali atau sangkutan dengan pihak ketiga;
- (e) untuk mentadbir dan berkomunikasi berhubung dengan yuran pengajian, bayaran tertunggak, dan bayaran lain yang berkaitan;
- (f) untuk menguruskan penggunaan kemudahan seperti perpustakaan, asrama, kemudahan pengkomputeran dan graduasi;
- (g) bagi mengumpul bukti untuk tindakan tatatertib atau hukuman;
- (h) untuk menjalankan analisis pemasaran dalaman dan analisis pola dan pilihan pelajar;
- (j) untuk mematuhi kewajipan undang-undang dan kawal selia KPTMSB dalam menjalankan perniagaannya;
- (k) untuk menghubungi pelajar/bakal pelajar berkenaan produk, perkhidmatan, promosi, pengiklanan, pemasaran dan bahan komersial demi kepentingan pelajar/bakal pelajar;
- (l) untuk mematuhi atau memudahkan sebarang arahan atau keperluan oleh badan kawal selia termasuk tetapi tidak terhad kepada, Kementerian Pendidikan, Majlis Amanah Rakyat, MARA Corporation Sdn. Bhd. dan Agensi Kelayakan Malaysia;
- (m) untuk menyediakan khidmat nasihat termasuk nasihat kerjaya dan sistem pementoran;
- (n) untuk pencegahan atau pengesanan jenayah termasuk rakaman CCTV dan laporan kejadian;
- (o) untuk tujuan perubatan dan penjagaan kesihatan;
- (p) untuk operasi alumni termasuk pengumpulan dana, pemberitahuan aktiviti alumni dan peruntukan faedah alumni; dan
- (q) untuk pengurusan rekod dalaman KPTMSB.

3.2 Bagi ibu bapa/penjaga pelajar atau bakal pelajar;

- (a) untuk memproses permohonan kemasukan;
- (b) untuk membantu dalam mendapatkan penaja bagi pelajar itu;
- (c) untuk menghubungi sekiranya berlaku kecemasan atau kemalangan;

- (d) untuk memaklumkan tentang kemajuan dan pencapaian pelajar, yuran pengajian, bayaran tertunggak dan bayaran lain yang berkaitan;
- (e) untuk menyediakan perkhidmatan sampingan seperti permohonan visa dan perlindungan insurans;
- (f) untuk menjalankan analisis pemasaran dalaman dan analisis pola dan pilihan pelajar;
- (g) untuk mematuhi kewajipan undang-undang dan kawal selia KPTMSB dalam menjalankan perniagaannya;
- (h) untuk mematuhi atau memudahkan sebarang arahan atau keperluan oleh badan kawal selia termasuk tetapi tidak terhad kepada, Kementerian Pendidikan, Majlis Amanah Rakyat, MARA Corporation Sdn. Bhd. dan Agensi Kelayakan Malaysia;
- (i) untuk menyediakan khidmat nasihat termasuk nasihat kerjaya dan sistem pementoran;
- (j) untuk tujuan perubatan dan penjagaan kesihatan; dan
- (k) untuk pencegahan atau pengesanan jenayah termasuk rakaman CCTV dan laporan kejadian; dan
- (l) untuk pengurusan rekod dalaman KPTMSB termasuk tujuan alumni.

3.3 Bagi vendor, pembekal perkhidmatan, pembekal, kontraktor;

- (a) untuk menghubungi berkenaan produk, perkhidmatan, promosi, pengiklanan, pemasaran dan bahan komersial, jika perlu;
- (b) untuk memproses apa-apa dokumentasi yang terlibat dalam perkhidmatan atau transaksi;
- (c) untuk memproses apa-apa pembayaran atau potongan yang berkaitan dengan transaksi komersial;
- (d) untuk audit dalaman;
- (e) untuk mematuhi kewajipan undang-undang dan kawal selia kami dalam menjalankan perniagaan kami;
- (f) untuk pengurusan rekod dalaman kami;
- (g) untuk tujuan keselamatan, pencegahan atau pengesanan jenayah termasuk rakaman CCTV dan laporan kejadian; dan

- (h) untuk mematuhi atau memudahkan sebarang arahan atau keperluan oleh badan kawal selia termasuk tetapi tidak terhad kepada, Kementerian Pendidikan, Majlis Amanah Rakyat, MARA Corporation Sdn. Bhd., Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Ketua Audit Negara.

3.4 Bagi Pekerja atau bakal pekerja;

- (a) untuk memproses permohonan pekerjaan, termasuk pengesahan rujukan dan kelayakan;
- (b) untuk mentadbir gaji, faedah, surcay, potongan dan tuntutan seperti tuntutan perubatan, tuntutan lebih masa, dsb;
- (c) untuk mewujudkan keperluan latihan dan/atau pembangunan;
- (d) untuk menjalankan semakan prestasi, kenaikan pangkat dan menentukan keperluan prestasi;
- (e) untuk menilai kelayakan untuk pekerjaan atau tugas tertentu;
- (f) untuk mengumpul bukti bagi tindakan tatatertib atau penamatan;
- (g) untuk dihubungi sekiranya berlaku kecemasan;
- (h) untuk mematuhi undang-undang buruh atau pekerjaan yang berkenaan;
- (i) untuk menyusun direktori;
- (j) untuk audit dalaman;
- (k) untuk mematuhi kewajipan undang-undang dan kawal selia dalam menjalankan perniagaan;
- (l) untuk pengurusan rekod dalaman kami;
- (m) untuk tujuan perubatan dan penjagaan kesihatan;
- (n) untuk tujuan keselamatan, pencegahan atau pengesanan jenayah termasuk rakaman CCTV dan laporan kejadian; dan
- (o) untuk mematuhi atau memudahkan sebarang arahan atau keperluan oleh badan kawal selia termasuk tetapi tidak terhad kepada, Kementerian Pendidikan, Majlis Amanah Rakyat, MARA Corporation Sdn. Bhd., Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

4. PENZAHIRAN

Data peribadi dizahirkan kepada:-

4.1 Bagi pelajar dan bakal pelajar;

- (a) Kementerian Pendidikan, Agensi Kelayakan Malaysia, jabatan/agensi kerajaan lain yang berkaitan dan Badan Berkanun yang berkenaan;
- (b) Jabatan kerajaan, agensi kerajaan atau pihak berkuasa asing jika pelajar mendaftar dalam program pertukaran pelajar dan/atau program luar negara yang diiktiraf;
- (c) Jabatan Imigresen Malaysia (termasuk agensi yang dilantik oleh jabatan Imigresen Malaysia untuk menjalankan perkhidmatannya) jika pelajar dikehendaki mendapatkan atau memperbaharui visa pelajar mereka semasa tempoh pengajian mereka;
- (d) Kedutaan asing (termasuk agensi yang dilantik oleh kedutaan asing untuk menjalankan perkhidmatan mereka) jika KPTMSB membantu mereka dalam permohonan visa mereka sebagai sebahagian daripada prosedur pemindahan mereka ke universiti luar negara;
- (e) Penaja pelajar atau bakal pelajar seperti Majlis Amanah Rakyat, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Yayasan dan badan penaja lain;
- (f) Rakan sejawat atau rakan kongsi pendidikan luar KPTMSB yang menyediakan program pendidikan luar, berkembar, francais, pertukaran pelajar atau program pendidikan lain yang serupa;
- (g) Pihak ketiga yang menyediakan pelajar dengan penempatan sangkutan atau latihan amali sebagai sebahagian daripada keperluan kursus pelajar;
- (h) Badan kawal selia profesional atau berkanun atau badan akreditasi yang berkaitan bergantung kepada program pelajar atau keperluan kursus;
- (i) Agensi penguatkuasaan undang-undang atau mana-mana orang yang kami terpaksa atau dikehendaki berbuat demikian di bawah undang-undang;
- (j) Kakitangan dan penyedia penjagaan kesihatan seperti Hospital, Poliklinik, Klinik, doktor dan jururawat;
- (k) Pihak ketiga yang dilantik oleh KPTMSB untuk menyediakan perkhidmatan kepada kami atau bagi pihak kami (seperti juruaudit, peguam, setiausaha syarikat, syarikat percetakan, syarikat telekomunikasi, kontraktor, penganjur persidangan / latihan / acara, agensi pelancongan, agensi pekerjaan dan syarikat insurans); dan
- (l) Persatuan alumni Institusi pengajian tinggi yang diuruskan oleh KPTMSB.

4.2 Bagi ibu bapa/penjaga pelajar atau bakal pelajar;

- (a) Kementerian Pendidikan, Agensi Kelayakan Malaysia, jabatan/agensi kerajaan lain yang berkaitan dan Badan Berkanun yang berkenaan;
- (b) Jabatan kerajaan, agensi kerajaan atau pihak berkuasa asing jika pelajar mendaftar dalam program pertukaran pelajar dan/atau program luar negara yang diiktiraf;
- (c) Jabatan Imigresen Malaysia (termasuk agensi yang dilantik oleh jabatan Imigresen Malaysia untuk menjalankan perkhidmatannya) jika anak mereka dikehendaki mendapatkan atau memperbaharui visa pelajar mereka semasa tempoh pengajian mereka;
- (d) Kedutaan asing (termasuk agensi yang dilantik oleh kedutaan asing untuk menjalankan perkhidmatan mereka) jika KPTMSB membantu anak mereka dalam permohonan visa sebagai sebahagian daripada prosedur pemindahannya ke universiti luar negara;
- (e) Rakan sejawat atau rakan kongsi pendidikan luar KPTMSB yang menyediakan program pendidikan luar, berkembar, francais, pertukaran pelajar atau program pendidikan lain yang serupa;
- (f) Agensi penguatkuasaan undang-undang atau mana-mana orang yang KPTMSB dipaksa atau dikehendaki berbuat demikian di bawah undang-undang;
- (g) Kakitangan dan penyedia penjagaan kesihatan seperti Hospital, Poliklinik, Klinik, doktor dan jururawat;
- (h) Pihak ketiga yang dilantik oleh KPTMSB untuk menyediakan perkhidmatan kepada kami atau bagi pihak kami (seperti juruaudit, peguam, setiausaha syarikat, syarikat percetakan, syarikat telekomunikasi, kontraktor, penganjur persidangan/latihan/acara, agensi pelancongan, agensi pekerjaan dan syarikat insuran); dan
- (i) Persatuan alumni Institusi pengajian tinggi yang diuruskan oleh KPTMSB.

4.3 Bagi vendor, pembekal perkhidmatan, pembekal, kontraktor;

- (a) Pihak ketiga yang dilantik oleh kami untuk menyediakan perkhidmatan kepada kami atau bagi pihak kami (seperti juruaudit, peguam, setiausaha syarikat, syarikat percetakan, kontraktor, persidangan / latihan / penganjur acara dan penasihat lain);
- (b) Ahli jawatankuasa tender seperti Ahli Lembaga Pengarah dan penasihat luar;
- (c) Agensi penguatkuasaan undang-undang atau mana-mana orang yang kami terpaksa atau dikehendaki berbuat demikian di bawah undang-undang; dan
- (d) Jabatan/agensi kerajaan, pihak berkuasa berkanun dan pengawal selia industri;

4.4 Bagi pekerja atau bakal pekerja termasuk ibu bapa/penjaga mereka;

- (a) Kementerian Pendidikan, Majlis Amanah Rakyat, MARA Corporation Sdn. Bhd., Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan jabatan/agensi kerajaan lain yang berkaitan, pihak berkuasa berkanun dan pengawal selia industri;
- (b) Institusi Kewangan, Badan Koperasi, dan agensi lain untuk mentadbir gaji, potongan dan faedah.
- (c) Ahli jawatankuasa tatatertib, Lembaga Perubatan atau jawatankuasa lain yang dilantik oleh KPTMSB.
- (d) Jabatan kerajaan asing, agensi kerajaan atau pihak berkuasa asing jika mereka dikehendaki ke luar negara;
- (e) Jabatan Imigresen Malaysia (termasuk agensi yang dilantik oleh jabatan imigresen Malaysia untuk menjalankan perkhidmatannya) jika mereka perlu memperbaharui visanya untuk tempoh perkhidmatannya dengan KPTMSB;
- (f) Jabatan Imigresen Malaysia (termasuk agensi yang dilantik oleh jabatan imigresen Malaysia untuk menjalankan perkhidmatannya) jika mereka perlu ke luar negara;
- (g) Kedutaan asing (termasuk agensi yang dilantik oleh kedutaan asing untuk menjalankan perkhidmatan mereka) jika mereka perlu ke luar negara;
- (h) Rakan sejawat atau rakan kongsi pendidikan luar kami yang menyediakan program pendidikan luar, berkembar atau lain-lain yang serupa;
- (i) Agensi penguatkuasaan undang-undang dan mana-mana orang yang KPTMSB dipaksa atau dikehendaki berbuat demikian di bawah undang-undang; dan
- (j) Pihak ketiga yang dilantik oleh KPTMSB untuk menyediakan perkhidmatan kepada kami atau bagi pihak kami (seperti juruaudit, peguam, setiausaha syarikat, syarikat percetakan, syarikat telekomunikasi, kontraktor, penganjur persidangan/latihan/acara, agensi pelancongan, agensi pekerjaan dan syarikat insuran).

5. PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN DATA PERIBADI

- 5.1 Kami akan mengekalkan data peribadi anda selagi perlu untuk memenuhi tujuan pengumpulannya.
- 5.2 Kami akan menyimpan dan memproses maklumat anda dengan cara yang selamat. Kami akan mengambil setiap usaha yang munasabah untuk memastikan maklumat tersebut dirahsiakan. Kami tidak akan menjual atau memperdagangkan data peribadi anda.

6. HAK UNTUK AKSES DAN MEMBETULKAN DATA PERIBADI

- 6.1 Kami akan melakukan setiap usaha yang munasabah untuk memastikan data peribadi anda adalah betul.
- 6.2 Tertakluk kepada bayaran dan yuran yang ditetapkan jika berkenaan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada dan/atau membetulkan data peribadi anda dan/atau mengehadikan pemprosesannya. Dalam hal ini anda boleh:-
- (a) Menyemak sama ada kami menyimpan data peribadi anda dan meminta akses kepadanya;
 - (b) Meminta kami membetulkan mana-mana data peribadi anda atau data peribadi orang lain yang boleh dikenal pasti daripada data peribadi anda, yang tidak tepat, tidak lengkap atau lapuk; dan/atau
 - (c) Menarik balik, sepenuhnya atau sebahagian, persetujuan anda yang diberikan sebelum ini, tertakluk kepada sebarang sekatan undang-undang dan syarat kontrak yang berkenaan.
- 6.3 Permohonan anda dalam perenggan 6.2 boleh dimajukan kepada:-

Seksyen:	Seksyen Undang-undang
No. Telefon	+603 9179 5633
No. Fax	+603 9284 2831
Email.	amir@gapps.kptm.edu.my; zuliza@gapps.kptm.edu.my; nurulyani@gapps.kptm.edu.my

7. LAMAN SESAWANG

Laman sesawang kami mungkin mempunyai pautan ke laman sesawang lain (tapak terpaut). Tapak terpaut ini mungkin mempunyai notis/penyata perlindungan data peribadi mereka sendiri yang kami syorkan anda semak jika anda melawati tapak tersebut. Kami tidak bertanggungjawab ke atas kandungan tapak yang dipautkan atau keselamatan mana-mana data peribadi yang anda berikan dalam tapak yang dipautkan.

8. IMPAK DARIPADA KEGAGALAN MEMBEKAL DATA PERIBADI

- 8.1 Adalah wajib bagi anda untuk memberikan semua data peribadi yang kami minta daripada anda seperti dalam perenggan 2.
- 8.2 Kegagalan untuk membekalkan data peribadi oleh pelajar/bakal pelajar termasuk ibu bapa/penjaga mereka seperti yang diminta boleh menyebabkan kami tidak dapat memproses permohonan mereka untuk melanjutkan pelajaran, permohonan mereka untuk pinjaman/biasiswa, permohonan mereka untuk latihan amali atau program pertukaran pelajar dan perkhidmatan lain yang kami sediakan.

- 8.3 Kegagalan untuk membekalkan data peribadi oleh vendor, pembekal perkhidmatan, pembekal, kontraktor (Pihak) seperti yang diminta boleh menjejaskan keupayaan pihak-pihak untuk membuat urusan yang perlu, perjanjian atau kontrak dengan kami berhubung dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak tersebut.
- 8.4 Kegagalan untuk membekalkan data peribadi oleh bakal pekerja termasuk ibu bapa/penjaga mereka seperti yang diminta boleh menyebabkan kami tidak dapat memproses permohonan kerja mereka.
- 8.5 Kegagalan membekalkan data peribadi oleh pekerja termasuk ibu bapa/penjaga mereka seperti yang diminta boleh menyebabkan kami tidak dapat memproses gaji, emolument, kenaikan gaji, kenaikan pangkat, faedah perubatan dan faedah lain seperti yang disediakan.

9. KONFLIK

Sekiranya berlaku sebarang percanggahan antara Notis ini dengan Notis yang sama dalam Bahasa Inggeris, maka Notis dalam Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.

- NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI KPTMSB TAMAT -